

Langkah berkesan bendung penyeludupan, ancaman keselamatan negara

Segerakan projek tebatan banjir

Oleh KHAIRI MOHAMAD

khairi.mohamad@kosmo.com.my

RANTAU PANJANG – Pembinaan projek tebatan banjir yang mengandungi komponen pembinaan bentang sepanjang Sungai Golok di sini dilihat langkah yang berkesan dalam membendung kegiatan penyeludupan dan ancaman keselamatan negara.

Pengerusi Pertubuhan Pengerak Wawasan dan Kebajikan Parlimen Rantau Panjang (Padu), Mamat Jusoh (**gambar**) berkata, projek berkenaan merupakan serampang dua mata dalam usaha kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di sekitar kawasan ini selain dapat membendung kegiatan yang menjadi ancaman kepada negara.

Menurutnya, cadangan pembinaan projek berkenaan sudah mula dicadang sejak tahun 1980-an lagi dan pelaksanaannya perlu disegerakan ekoran situasi di kawasan sempadan

Langkah drastik membanteras aktiviti penyeludupan di kawasan di sempadan Malaysia-Thailand

Pindahkan penduduk di Sungai Golok

Oleh JULIA ISMAIL,
julia.ismail@kosmo.com.my

KOTA BHARU – Polis Kelantan mencadangkan supaya penduduk di sempadan

darat terlibat melakukan penyeludupan selain memberi kerjasama kepada pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Beliau berkata demikian pada majlis Amanah Aidilfitri Strategi Lelai Bera bersama Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Pertahanan Malaysia.



KERATAN Kosmo! 6 September 2013.



yang dilihat antara punca kewujudan kejadian jenayah terutama penyeludupan.

“Kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menambah baik situasi keselamatan di sempadan dan menjamin kesejahteraan para penduduk. Namun, kita berharap kerajaan dan pihak berkenaan dapat

menghalusi mekanisme dengan mendalam sebelum membuat keputusan.

“Pembinaan bentang atau tebatan adalah langkah yang lebih wajar dan signifikan berbanding cadangan untuk memindahkan penduduk yang tinggal berhampiran sepanjang Sungai Golok. Proses pemindahan memerlukan kajian mendalam dari segi

sosioekonomi, budaya dan kehidupan masyarakat yang terlibat nanti,” katanya ketika ditemui semalam.

Tambahnya, melalui bancian terdapat lebih 150,000 penduduk yang ditinggal di kawasan sepanjang Sungai Golok bermula dari Kuala Takbai di Tumpat sehingga ke Kampung Kajang di Rantau Panjang.

Katanya, projek tebatan banjir yang dirancang dikatakan menelan belanja lebih RM2 bilion namun proses pemindahan penduduk mungkin terpaksa proses pengambilalihan tanah.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan polis Kelantan mencadangkan supaya kerajaan negeri itu mengkaji status penempatan di sepanjang Sungai Golok untuk membanteras aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan.

Chef Liza dilanti Duta SHTM

MELAKA – Kolej Antarabangsa Yayasan Melak melantik chef selebriti tersohor negara, Azizah (**gambar**) atau lebih dikenali sebagai Chef Liza sebagai Duta Sekolah Pengurusan Hotel dan Pelancongan (SHTM) KAYM.

Ketua Eksekutif KAYM, Datuk Saroni Judi berkata, pelantikan Chef Liza sebagai duta sekolah itu adalah bertepatan dengan pengalamannya sebagai guru dan lebih sedekad dalam bidang masakan.

Menurutnya, pengalaman luas yang dimiliki oleh Chef Liza itu diharapkan dapat sepenuhnya untuk berkongsi ilmu serta kepakaran pelajar di sekolah tersebut.

“Pengetahuan dan pengalaman yang luas di didikan, kulineri dan dunia masakan, Chef berperanan membantu KAYM membangunkan seni kulineri seperti penyediaan silibus program kursus-kursus masakan,” katanya di sini semalam.